- E. InsyaAllah kalau tak keluar, ada apa-apa yang penting. Saya nak pi mana sangat dok kerja kampung bela lembu bukan boleh pi mana-mana sangat. Kita pun manusia biasa juga, terlewat dan sebagainya nak buat macamana kan?

14. Adakah tuan imam membaca khutbah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam?
- A. Ya, kadang-kadang majlis hantar teks yang terkini tapi kalau tidak ada saya pakai baca yang lama-lama pun ada. Majlis bagi teks khutbah yang banyak berhimpun dalam tu, kita ambik kelas aja la.
- B. Ya, semua teks telah dibekalkan, tak dak masalah apa lah. Sekali sekala ada juga ambik yang negeri-negeri lain contohnya Perak atau JAKIM ka!

- C. Baca, walaupun tak dak halangan baca teks sendiri tetapi rukun-rukun khutbah mesti kena tahu. Majlis pun tak larang kita nak baca yang mana pun, asalkan kena rukun-rukun dia dan kena citarasa anak qaryah.
- D. Ya, kadang-kadang ada juga yang buat sendiri kalau saya ada masa. Saya rasa puas kalau saya buat sendiri sebab cakap mai dari isi hati saya. Kadang-kadang ada isu-isu semasa, kita nak sampaikan kat semua anak qaryah.
- E. Ya, saya baca yang telah disediakan, senang tak payah fikir-fikir dah.
15. Adakah tuan imam buat bincian dan simpan kehadiran bagi orang yang meningkat umur 15 tahun yang wajib datang solat jumaat?
- A. Tak lengkap tapi adalah. Saya ambik tau juga anak qaryah saya dan selalu saya dok pesan dalam kuliah-kuliah ajak anak-anak mai masjid, mai lah belajar-belajar, paling korang mai solat jamaah ni, sampai tok imam pun ada yang tak kenai apa cerita kan!
- B. Ada buat juga sebab tu saya boleh agak yang tak mai sembahyang jumaat tu. Ikut-ikutnya kalau mai semua penuh masjid ni tapi nak buat macamana hati tak cinta masjid. Kadang-kadang ada keperluan apa=apa baru nak mai tunjuk muka sat, ha ha.
- C. Dalam simpanan ada tapi kurang lengkap lagi sebab ada perumahan-perumahan yang baru. Kadang-kadang tak dan kita pun, orang makin ramai tapi masjid tak bertambah pun, asyik orang sama ja dan orang muda kita boleh kira la.
- D. Kempen mai sembahyang adalah. Bincian ada jugak tapi nak kena kemaskini lain sebab yang baru duduk pun ada dan yang dah cukup umur lagi. InsyaAllah kita akan buat.

- E. Ada buat juga tapi tak berapa lengkap lagi sebab ramai juga anak qaryah kami ni. ni taman-taman dok naik lagi dan orang dok bertambah sedia.
16. Adakah tuan imam senang untuk bekerjasama dengan semua pegawai masjid?
- A. Itu dah jadi biasalah, duduk dalam satu organisasi kenalah kerjasama kalau dak macamana nak buat keja kan!
- B. Semua orang masjid ni cukup senang bekerjasama, syukurlah takat la takdak bunyi apa-apa lah kut belakang. Semua program jalan baik, itulah hasil kami buat kerjasama.
- C. Tak dak masalah apalah. Kerjabuat untuk agama ni kena ada sikap tolak ansur barulah jalan. Kurang cakap takpa, yang penting kerja jalan daripada orang yang banyak cakap tapi kerja tak jalan.
- D. Sama-sama orang tua ni, sama-sama seronok buat kerja untuk anak qaryah. Nak bincang apa, nak buat apa, mesyuarat pun kira kalau perkara baik semua setuju belaka ja.
- E. Tidak ada apalah. Semua perkara senang. Kita duk cari susah buat apa. Masing-masing fikir nak ajak orang mai masjid, itu ja. Saya dengan depa senang, macam tulah depa dengan saya, senang. Kita dah faham agama kalau tak pakat macamana kan!
17. Adakah tuan mematuhi peraturan dan arahan Majlis Agama Islam sepenuhnya dari masa ke semasa?
- A. Alhamdulillah, kita duk bawah majlis macam tulah, ikut aja apa yang dah depa bagi kat kita garis panduannya. Semua nak bagi senang kan!

- B. Garis panduan, kena ikutlah tapi ada juga yang melibat kos yang besar kita tak buat sepenuhnya lah.
- C. Ya. Arahan kena ikut contohnya kena buat mesyuarat agung, kita buatlah. Kalau majlis nak senarai orang yang baca khutbah bulan tu, kami bagi lah.
- D. Perkara biasalah. Tak dak masalah apalah. Biasanya surat makluman untuk anak qaryah suruh sampaikan aja.
- E. Dah tentulah, sebab masjid bawah penyeliaan majlis. Peraturan tu semuanya dah sedia ada dah cadangan-cadangan program sepanjang tahun dan juga biro-biro serta bidang tugas. Itu saja selesai masalah.

18. Adakah tuan imam fasih membaca dan menulis jawi?

- A. Alhamdulillah. Orang dahulu kebiasaannya semua boleh membaca, tak kiralah yang belajar di sekolah agama ataupun dak. Fasih macamana taklatu lah kira saya boleh bacalah, insyaAllah.
- B. Nak kata tak fasih macamana kan! Kita nak baca khutbat semuanya mai dalam tulisan jawi. Boleh baca, kira boleh tulis lah.
- C. Boleh, kalau tidak macamana nak baca khutbah dari jabatan. Kita dok mengajar kitab pun ada yang dalam bahasa jawi kan?
- D. Boleh lah tapi sekarang ejaan baru lagi senang untuk kita nak baca. Kalau khutbah yang dulu sungguh, orang la kurang arif sikit sebab cara tulis dia lain sikit.
- E. Baca lancar juga. Biasanya imam ni atau sapa-sapa yang nak baca khutbah dia baca bagi lancer dulu sebab bimbang tersasul sebutan inggeris di jawikan.

19. Adakah tuan imam pegang jawatan lain selain daripada menjadi imam masjid?

- A. Ada juga la, sebagai penyelia KAFA. Pejabat saya tepi ni ja di pejabat agama daerah Kulim
- B. Saya sebenarnya dah penced askar. Orang dulu kerja apapun kebanyakkan yang mengaji sekolah arab pun banyak. Habis mengaji pi kerja askar pas ambil syahadah.
- C. Saya guru sekolah. Jawatan ni majlis bagi kelonggaran untuk penjawat awam. Ikut-ikutnya penjawat awam tak boleh jadi imam lagi tapi untuk kemaslahatan umum kiut!
- D. Guru agama Sekolah Kebangsaan Bukit Selarong, Padang Meha.
- E. Kerja sendiri bela lembu. Kerja saya tak terikat dengan orang.
20. Adakah tuan imam bersetuju jika jawatan imam juga diberikan kelonggaran kepada orang yang menjawat jawatan awam?
- A. Kita ikut ajalah. Kira-kira saya pun penjawat awam walaupun kerja sebagai penyelia kafa. Saya rasa banyak negeri yang memberi kelonggaran kepada penjawat awam kan!
- B. Pendapat saya setuju lah. Apa yang penting imam mesti cukup syarat-syarat perlantikan supaya dapat pimpin anak qaryah, itu aja.
- C. Setuju tetapi kalau ada yang tidak terikat dengan mana-mana pekerjaan, lebih baiklah.
- D. Saya tak kisah, apa yang penting mesti ada orang yang dapat mentadbir anak-qaryah, itu saja. Lagipun jawatan imam bukan jawatan nak disanjung tapi nak pimpin masyarakat yang penting.
- E. Bolehlah kalau nak bagi kelonggaran pun sebab bukan senang juga nak cari imam yang betul mampu dan beri perhatian kepada masjid dan masyarakat.

Ada juga orang yang alim tapi tak mau jadi pemimpin, bukan saya nak kata. Apa yang penting ada asas agama dan boleh pimpin. Maknanya dia ada tanggungjawab, komitmen dan semangat sebab ini adalah amanah kan?

21. Apakah tuan imam juga ambil peranan terhadap masyarakat miskin dalam qaryah?

- A. Orang-orang miskin tak pernah diabaikan lah. Macam-macam bantuan masjid berikan contohnya sokong untuk apa-apa bantuan, zakat dan kecemasan.
- B. Kita ada Lujnah Khidmat Masyarakat dan semua maklumat ada dalam senarai masjid. Bantuan kita akan berikan mengikut keperluan dan kadar yang ditetapkan oleh jawatankuasa masjid.
- C. Bantuan kita beri dan tak pernah diabaikan samaada bantuan kecemasan, pendidikan dan hariraya. Ada peruntukan lebih, masjid akan bagi lebih yang lain kena usaha juga lah.
- D. Masjid saya tak pernah abaikan orang-orang fakir dan miskin. Susah sangat mail ah minta bantuan, insyaAllah kita bagilah.
- E. Orang fakir dan miskin ada senarai dalam simpanan masjid. Bantuan kami akan berikan pada orang yang betul-betul berhak untuk dapat. Di masjid pun kita ada sediakan tabung khas untuk fakir miskin dan macam-macam tabung lagi termasuklah tabung saudara baru pun kita ada.

22. Pernahkah tuan imam mengadakan program untuk golongan belia remaja?

- A. Pernah juga tetapi kebanyakkan melibatkan semua golongan. Kirannya kuliah-kuliah tu untuk semua orang lah termasuklah belia. Masalahnya golongan belia ni tak berapa minat sangat dengan aktiviti masjid ni tapi adalah juga bukan tak dak langsung.

- B. Ada, macam-macam kita buat termasuk kursus mandi mayat, gotong-royong tapi kuranglah sambutan mereka ni.
- C. Buat juga tetapi tak ramai sangat memberi kerjasama mungkin sibuk dengan kerja atau tak sesuai dengan masa kut. Kelas-kelas agama dan kuliah kita cari guru-guru muda tapi golongan belia ni tak datang juga, itulah masalahnya. Yang mai tu adalah.
- D. Pernah tetapi tak secara khusus sebab masjid buat untuk penglibatan semua lapisan seperti bola sepak dan sepaktakraw.
- E. Aktiviti untuk remaja dalam bentuk gotong royonglah tapi tak dak sambutan pun.

23. Adakah tuan imam bersedia menerima teguran daripada jemaah anak qaryah?
- A. Tak dak masalah kalau teguran itu membina untuk kepentingan semua orang. Saya pun bukan pandai sangat lagipun kita orang biasa tak boleh lepas daripada buat salah. Saya rela ditegur daripada terus menerus saya buat salah.
- B. Semua manusia kena bersifat terbuka dan biarlah teguran itu ada hikmah dan berhemah. Saya pun dah bagitau kalau tak kena tang mana-mana bagitau lah!
- C. Kalau salah tegurlah, tak dak masalah, kita bukan sempurna semua. Salah lupa ni sifat dan sikap manusia biasa, kan?
- D. Kalau salah silap kena tegur, manusia bukan betul semuanya. Kita kena berfikiran terbukalah. Orang tegur nak bagi jadi baik jadi kita kena berfikiran terbuka lah.
- E. Alhamdulillah, yang penting kena datang mesyuarat agung dan beri pendapat dan ikhlas cara bagi teguran. Kadang-kadang ada juga jemaah yang hanya pandai cakap sahaja tapi tak mahu bekerjasama. Tak apalah.

24. Apa pendapat tuan imam tentang masa sangat berharga dalam kehidupan kita?

- A. Masa adalah anugerah Allah untuk kita sama-sama menjaga masa sebab apa, yang ada di dunia ini semuanya hidup dengan masa. Sampai masa semuanya akan musnah dan binasa.
- B. Bagi saya masa kita kena jaga betul-betul. Kadang-kadang orang akan nilai kita dengan masa, adakah kita orang yang jaga masa atau tak pandai jaga masa. Saya yang ni saya kena jaga sebab imam nak kena mai awai sikit.
- C. Pandangan saya la, orang yang jaga masa adalah orang yang mempunyai sikap yang cukup baik manakala yang tak jaga dia punyai sikap tak berapa baik sikit sebab kadang-kadang dia jadi biasa dan tak boleh nak tepat janji dengan orang. Yang ni yang kita Nampak selalunya kan!
- D. Masa adalah diri kita. Pandai jaga masa maka baiklah kita, tak pandai jaga dia tak pandai urus diri dia ah.
- E. Kita kena belajar hidup berdisiplin. Nak berdisiplin bukan susah sangat pun kan! Jaga masa, prihatin dengan maka segala urusan kita akan selesai no.

25. Adakah tuan mempunyai pakaian rasmi apabila menjadi imam?

- A. Tak dak pakaian rasmi apalah, kira pakaian jubah saya ni, pakaian rasmi saya.
- B. Pakaian rasmi saya jubah lah kalau mai masjid, tapi bilal ada pakaian rasmi dia warna hitam dan ada lambing negeri kedah.
- C. Pakaian rasmi jubah lah. Bagi saya tak penting sangat lah, yang penting pakaian nampak sopan dan bersih ja.
- D. Saya tak kisah sangat, kadang-kadang saya pakai baju melayu, kadang-kadang saya pakai jubah. Cumanya kebiasaannya saya akan pakai serban.

- E. Pakaian biasa, selalunya pakai jubah. Saya rasa selesa pakai jubah.
26. Adakah tuan imam bersikap terbuka kepada mana-mana puak, kumpulan, jemaah dan parti politik?
- A. Saya tak begitu lah. Apa yang penting sama-sama datang mengimarahkan masjid. Kalau semua mai dengar kuliah, solat jemaah lagi bagus tapi masalahnya masih ramai lagi yang tak mai.
 - B. Saya suka berbincang dan berkawan dengan semua orang. Rasa tak dak apalah sebab tugas saya jadi imam dan fikir nak ajak orang penuhkan masjid, itu ja.
 - C. Imam kena bersikap terbuka, tak boleh bersikap macam itu sebab tugas imam untuk semua orang-orang Islam.
 - D. Politik masing-masing dan tanggungjawab imam tak boleh macam itu. Sapa panggil saya pi ja umah dia. Kadang-kadang ada kenduri dan tahlil, sama-samalah jangan dok berkelahi lah.
 - E. Saya senang ja, jadi imam ni kena bersikap terbuka dan uruskan kehidupan masyarakat dengan kehendak dan acuan agama Islam.
27. Adakah tuan imam mengadakan mesyuarat agung tahunan?
- A. Mestilah kena buat. Kita nak kena hantar kat pejabat agama laporan-laporan masjid. Kira kalau tak buat tak kena sebenarnya sebab anak qaryah nak tau juga perjalanan masjid dan masjid pun nak tengok cadangan-cadangan untuk kebaikan semua.
 - B. Buat pada tiap-tiap hujung tahun. Selalunya bila buat, kita jemput orang pejabat agama mai, ikut depalah nak mai ataupun dak.

- C. Mesyuarat mesti kena buat. Banyak program kita buat, kurang-kurang anak qaryah kena tau kita dah buat macam-macam untuk anak qaryah. Selalunya yang orang nak dengar sangat tu tentang duit ringgit masjid lah.
- D. Sudah menjadi agenda tetap tiap-tiap tahun kita buat mesyuarat agung tahunan.
- E. Ya, tiap-tiap tahun kami mengadakan mesyuarat agung kerana membuat penambahbaikan dan makluman untuk semua anak karyah tentang perjalanan aktiviti masjid dan pengurusan kewangan.
28. Adakah AJK masjid memberi kerjasama dengan imam?
- A. Alhamdulillah, semua AJK telah memberi kerjasama yang cukup baik. Masjid macam tu, masing-masing kena ada rasa tanggungjawab dan tolak ansur serta sifat amanah. Semua yang ada tugas bukan ada gaji cuma elauh saja hanya fikir nak makmur rumah Allah, insyaAllah Tuhan akan bagi ganjaran.
- B. Kerjasama cukup penting sebab kita sama-sama berusaha untuk mengimarahkan masjid untuk kebaikan semua anak kariah.
- C. AJK yang dilantik adalah orang yang ikhlas hendak buat kerja, jadi tidak ada masalah lah.
- D. Setakat sekarang alhamdulillah tak ada apa-apa masalah.
- E. Semua aktiviti dirancang secara bersama dan persetujuan semua orang. Masing-masing sudah faham tujuan dilantik untuk berkhidmat untuk masjid dan anak kariah adalah semata-mata kerana Allah.
29. Pernahkah mendapat sumbangan dari badan-badan koprat?
- A. Biasa sangat, tidak dinafikan semua aktiviti masjid adalah sumbangan orang ramai

- B. Alhamdulillah, memang banyak dan pembesaran masjid ini pun semuanya adalah sumbangan individu dan koprat-koprat.
- C. Tanpa sumbangan dari orang ramai maka aktiviti masjid terbataslah. Masjid ini diubahsuai adalah hasil sumbangan orang ramai.
- D. Masjid tidak ada dana yang besar, tapi syukurlah keprihatinan masyarakat dapat memakmur masjid dengan aktiviti yang agak padat.
- E. Sumbangan koprat-koprat dan orang ramai boleh dikatakan semua masjid terima samada sumbangan biasa atau dalam bentuk waqaf. Tidak dinafikan ada juga masjid yang mempunyai kewangan yang kukuh dan ada yang biasa tetapi cukup untuk aktiviti pengimaranan.

30. Adakah tuan mengetahui tentang keluar & masuk kewangan masjid?

- A. Semua aktiviti melibatkan kewangan masjid saya mengetahui dan dengan persetujuan semua AJK. Kiranya mana boleh imam tak tau duit keluar masuk sebab ini tanggungjawab dia. Bagi saya sangat tak logik kalau imam tak peduli.
- B. Kebiasaan bendahari akan maklumkan pada saya tentang kewangan masjid. Kami nak guna duit semuanya mesti imam kena tau dulu kalau dak maka tak boleh lulus.
- C. Semua kewangan keluar dan masuk ada rekod dan semua AJK mengetahui.
- D. Kewangan masjid sentiasa direkod dan bendahari saya adalah orang yang biasa buat dan dimaklumkan kepada saya.
- E. Alhamdulillah, setiap kali mesyuarat kita akan akan lapor kewangan dan tak ada masalah setakat ini.

31. Adakah tuan peka terhadap kebersihan tandas dan semua sktuktur masjid?

- A. Saya amat prihatin tentang kebersihan tandas sebab kalau jemaah datang ke masjid mereka akan ke tandas dahulu.
- B. Alhamdulillah tandas yang bersih akan menjadi kesukaan jemaah yang datang dan suasana yang selesa.
- C. Alhamdulillah, kebersihan amat saya titikberatkan kerana masjid adalah tempat ibadah. Kalau tandas tidak bersih orang datang hendak ibadah rasa tidak selesa.
- D. Kalau masjid tidak bersih orang akan salahkan imam dan AJK masjid yang tidak pandai menjaga kebersihan.
- E. Kalau kita pergi masjid di tempat lain yang kurang bersih, kita akan rasa tidak selesa, begitulah kalau orang lain yang datang di masjid tempat saya. Maka saya selalu nasihatkan semua AJK supaya beri perhatian tentang kebersihan.

32. Berapa kali tuan imam menjalankan program gotong-royong di tanah perkuburan?

- A. Saya rasa lebih dari tiga kali setahun tapi tengok keadaan lah jugak. Benda ni tak tentu sebab kalau ajk cadang buat banyak kali maka kita buat lah. Kadang-kadang ada program kebajikan dan kemasyarakatan mai masjid contohnya pusat-pusat pengajian.
- B. Banyak kali setahun tetapi kerja pembersihan selalu di dok buat, panjang saja kami upah orang tolong bersihkan.
- C. Selalulah dan kita upah lagi orang lain jaga kebersihan.
- D. Kadang-kadang tiga kali setahun, kadang-kadang dua kali sahaja.
- E. Ikut keadaan tetapi banyak kali lah. La ni kita upah orang semua buat. Secara individu tu banyak lah, kira nya rumput panjang

33. Adakah terdapat kelas asuhan kanak-kanak di masjid tuan?

- A. Ada juga macam masjid-masjid lain lah.
- B. Ada hak masjid sebelah belakang nu.
- C. Ada, banyak kelas juga la. Ramai sambutan bangunan luar tak cukup terpaksa buat dalam masjid sebelah belakang tu.
- D. Ada dah. Dulu tak dak kami usaha bagi ada juga senang budak-budak mai mengaji.
- E. Tak ada buat sementara ni tapi gerai untuk sewa ada la. Lagipun kawasan tak dak nak buat. Tanah sawit tu adalah tapi kalau kedepan-kedepan ni tautau lah pulak sebab la ni pun sekolah kebangsaan dah ada dah kafa.
34. Ada dak di masjid tuan imam sudut bacaan ataupun perpustakaan?
- A. Sudut bacaan ada, boleh tengok lah tapi tak besar sangat tapi boleh. Macam-macam buku kami beli untuk bacaan semua orang.
- B. Ada tapi tak besar mana la di tepi-tepi tiang masjid. Kami ada rancangan nak tambah lagi bahan-bahan bacaan tu,
- C. Perpustakaan tak dak lah tapi sudut-sudut tu adalah tak besar mana. Buku-bku tu pun memang nak beli lagi.
- D. Buku ada kat rak belakang tu, tak besar sangat tapi boleh lah kalau nak bacabaca. Orang yang nak baca pun tak ramai sangat saya tengok, depa sambil-sambil aja.
- E. Sudut khusus buku-buku tak dak tapi bahan bacaan tu ada la tak banyak, boleh bacalah, campur-campur dengan rak al-Quran, rasa nak cari lagi buku-buku tu.
35. Ada dak masjid tuan imam ni aset kewangan yang kukuh?

- A. Alhamdulillah, ada juga sikit rumah tumpangan dan rumah kedai tapi kebanyakkan dalam bentuk kewangan lah.
- B. Ada juga, hasil sumbangan orang ramai. Kami baru nak mula buat aset sebab tu kami nak buat rumah tumpangan, gerai berniaga, kelas kafa supaya boleh jadi aset berterusan. Jadi bila ada aset senang kita nak buat perancangan sebab ada duit kan!
- C. Ada tapi masjid guna untuk pembangunan dan aktiviti masjid. Duit-duit sumbangan tu ada lah dalam bank untuk buat apa-apa pembangunan masyarakat. Semua mai dari sumbangan orang la. Selain tu kedai tu lah.
- D. Tak banyak lah. Kutipan dan derma orang ramai ja. Duit simpanan ada, kalau nak buat program tak bimbang lah.
- E. Ada tapi tak banyak sangat sebab ladang sawit ada oarang wakaf kat masjid, sikit tu aja lah. Lain kedai sewa tu dua tiga pintu.

Fungsi Dan Peranan Imam Masjid

36. Adakah tuan imam turut memberi kuliah?

- A. Saya tak bagi kuliah tapi saya bagi tumpuan kepada tugas imam solat dan uruskan hal-hal pentadbiran masjid sahaja. Kuliah pengajian saya akan serahkan kepada ustaz-ustaz yang lain. Kadang-kadang ada juga saya beri kuliah tetapi tidak ada dalam jadual pengajian kuliah saya sebab saya tumpukan pada solat dan hal-hal lain.
- B. Saya hanya beri tazkirah dan tumpukan kepada pembangunan masjid manakala kuliah-kuliah ni, saya jemput ustaz-ustaz lain. Saya akan fikir macamana nak ajak orang mai masjid.

C. Saya juga memberi kuliah untuk anak kariah saya dan kuliah di masjid-masjid lain yang menjemput saya. Masjid saya sendiri saya bagi kuliah lebih kurang tiga kali sebulan. Setakat sekarang ni program dah penuh dalam jadual dan hanya program siang hari sahaja yang masih ada kekosongan. Siang hari program kafa dan kuliah haji saja.

D. Sebenarnya selain jadi imam saya juga suka beri kuliah di masjid saya dan ada juga kuliah di masjid-masjid lain yang jemput saya. Bagi saya kalau imam turut memberi kuliah lagi baik lah sebab saya tahu kehendak dan permasalahan masyarakat, kadang-kadang berkenaan isu-isu semasa untuk makluman anak qaryah.

E. Saya hanya tumpukan sepenuhnya pada masjid saya saja dan beri tazkirah kepada anak kariah saja. Kalau ada apa-apa perkembangan saya akan bagitau terus pada anak qaryah saya.

37. Adakah tuan imam turut terlibat di dalam aktiviti masyarakat seperti kenduri-kenara, rotong-royong kampung dan sebagainya?

A. Sudah tentulah, lebih-lebih lagi saya sebagai tok imam mesti kena terlibat dengan aktiviti orang kampong, lagipun perkara ni tanggungjawab kita semua juga. Kalau boleh program-program macam ni semua orang kena terlibat.

B. Bagi saya ini adalah kewajipan kita semua, semua orang tidak boleh ambil ringan macam tu ja. Imam ni memanglah bukan saja dok dalam masjid tapi dia kena hidupkan program supaya orang semua dapat bermasyarakat. Kadang-kaang tu imam pi tu saja nak memeriahkan majlis saja supaya majlis tu Nampak lebih berseri la. Biasanya imam akan mula dengan baca doa lah.

C. Kalau saya tak ada hal saya akan hadir dengan semua aktiviti masyarakat kerana hidup bermasyarakat ni dituntut oleh Islam. Perkara ni adalah budaya orang kita maka semua orang mesti bagi kerjasama termasuk imam lah. Saya terikat dengan sekolah sama, jadi dua-dua saya kena bagi komitmen.

D. Tak ada apa halangan, saya akan mai masjid sedialah melainkan ada perkara yang tidak dapat nak elak. Saya akan cuba cari jalan juga tapi kalau tak boleh juga, tak boleh buat apa-apa lah.

E. Aktiviti macam ni adalah aktiviti masyarakat dan saya berusaha untuk mai. Imam ni kalau pi selalu kena baca doa lah. Kita nak berjumpa dan bermesra program-program macam nil ah, saya seronok majlis-majlis macam ni.

Senarai Imam-Imam Daerah Kulim

Di bawah ini menunjukkan terdapat 35 orang imam dan 35 buah masjid di dalam daerah Kulim dan telah ditemubual oleh penulis untuk kajian dan responden iaitu 5 buah masjid dan 5 orang imam sahaja yang telah dicadangkan oleh pejabat agama Islam Kulim. Masjid-masjid ini di antara masjid yang mempunyai kekuatan dan berperanan terhadap anak qaryahnya. Penulis telah bertemubual dengan responden dan meninjau sejauhmana peranannya sehingga mendapat kepercayaan daripada majlis agama Islam. Imam-imam yang telah ditemubual adalah;


- (a) Haji Idrus bin Ismail, imam Masjid Al-Jamiul Makmur
- (b) Haji Abdul Halim bin Hamzah, imam Masjid Taman Kenari
- (c) Haji Mohd Kamil bin Md. Mahdzir, imam Masjid Padang Serai
- (d) Haji Ahmad Zakir bin Abdul Halim, imam Masjid Sungai Ular
- (e) Haji Muhammadan bin Ishak, imam Masjid Sungai Karangan.

SENARAI NAMA IMAM MASJID DI DAERAH KULIM

BIL.	KARIAH MASJID	NAMA IMAM
1.	AIR MERAH	HJ ISMAIL BIN HAMID
2.	BAGAB SENA	MOHD KHAIRI BIN ISHAK
3.	BATU PUTEH	HJ MAT SHAH BIN MUSA
4.	BIKAN	BAHRUN BIN SAAD
5.	GUAR LOBAK	MANSUR BIN AHMAD
6.	GUNUNG BONGSU	AHMAD MAHYUDIN BIN CHE DAUD
7.	JUNJONG	HJ ZAKARIA BIN ABDULLAH
8.	KELADI	HJ YAAKOB BIN ABDUL RAHMAN
9.	KG. BADLISHAH	HJ MAT ISA BIN A. HAMID
10.	KG. DARUL AMAN	HJ JAMALUDDIN BIN OMAR
11.	KILANG LAMA	HJ IBRAHIM BIN TEH
12.	KULIM	HJ IDRUS BIN HJ ISMAIL
13.	LABU BESAR	HJ ABD AZIZ BIN ABD RAHMAN
14.	MAHANG	HJ MD NOOR BIN MD SAAD
15.	MERMAU PULAS	HJ MAT SAUD BIN MAT LUDIN
16.	NAGALILIT	MAT JUBIT BIN ABDUL
17.	PADANG CINA	HJ NAZAR BIN HUSIN

18	PADANG SERAI	HJ MOHD KAMIL BIN MD. MAHDZIR
19	KEM P.G.A	RASUL KAHN BIN YUSOF
20	PMTG TOK DIK	HJ SAID BIN YAAKOB
21	SEDIM	HJ YUSOF BIN HJ IBRAHIM
22	SELARONG PANJANG	UST ARIFF BIN ISMAIL
23	SG KARANGAN	HJ MUHAMMADAN BIN ISHAK
24	SUNGAI KOB	HJ MOHAMAD SOBRI BIN DON
25	SUNGAI LIMAU	TENGKU SHAARI BIN TENGKU MEH
26	SG. PASIR DALAM	WAHAB BIN AWANG KECHIK
27	SG. SELUANG	HJ ABD RAHMAN BIN HASSAN
28	SG. TENAGAS	HJ SULAIMAN BIN HASSAN
29	SUNGAI UALAR	HJ AHMAD ZAKIR BIN ABD HAMID
30	TAMAN KENARI	HJ ABD HALIM BIN HAMZAH
31	TAMAN SELASIH	ABD DALI BIN HAT
32	TERAP	ABU SAMAH BIN MAT
33	TERAP BATU	HJ MAT SAAD BIN BAKAR
34	TAMAN MUTIARA	MAT NAZERI BIN MOHAMAD
35	TAMAN DESA AMAN (SURAU)	SUHAIMI BIN ABDUL HAMID

STRUKTUR PENTADBIRAN



LAMPIRAN DUA

Pandangan Maknum Terhadap Imam

Di bawah ini diceritakan pandangan anak qaryah terhadap peranan imam masjid yang diimarahkan di daerah Kulim. Peranan imam yang menjadikan masjid imarah dan anak qaryah berpuas hati dengan pentadbiran imam. Antara maklumat yang diterima hasil temubual dengan anak qaryah adalah ialah;

Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq Taman Kenari.

1. Masjid ni ramai dak jemaah datang solat dan berapa saf kebiasaanya?
 - a-Menurut encik Ramli bin Sampoi jemaah masjid Taman Kenari . Jemaah yang datang solat memang ramai dan katanya paling kurang satu saf tu memang tetap dah walaupun waktu asar dan zohor. Satu saf pun tujuh puluh orang lebih.
 - b- Menurut Mohd Rozi bin Man. Masjid ni ramai tu memang ramai jugak lah. Satu saf, dua saf dan dua saf setengah dan macam tulah lebih kurang. Satu saf lebih kurang enam puluh lima macam tu. Solat magrib dab isyak lagi ramai sebab orang dah balik kerja.
2. Aktiviti masjid mendapat sambutan atau tidak?
 - a-Ya dapat sambutan.
 - b-Setakat la ni Nampak Alhamdulillah lah, anak-anak qaryah lah banyak. Pengajian pun ramai dok ikut.

3. Macamana dengan pengurusan masjid, adakah nampak teratur?
- a-Baik lah
- b-Pengurusan masjid nampak cantik lah.
4. Waktu-waktu solat ramai dak jemaah yang datang solat?
- a-Memang ramailah
- b-Ramai tu memanglah ramai.
5. Adakah imam turut memberi kuliah?
- a- Imam di sini biasanya dia ambik jadi imam dan khutbah jumaat.
- b- Imam ni dia lebih kepada imam solat dan kuliah dia bagi dekat ustaz-ustaz lain.
6. Macamana dengan sambutan golongan belia terhadap aktiviti di masjid?
- a- Orang-orang muda ada jugak dan depa memang nak tarik orang muda mai. Setiausaha masjid tu pun cikgu Harun diapun orang muda dan dia nak tarik. Aktiviti orang muda pun banyak.
- b-Nampak gaya Alhamdulillah .
7. Tuan setuju dak kalau saya berkata masjid ini imarah dengan aktiviti?
- a- Ya saya setuju lah kalau kata masjid ni memang imarah.
- b- Setujulah insyaAllah.

8. Saya nak bertanya adakah tuan faham peranan imam?
- a-Ya saya faham dan tiap-tiap waktu dia mai solat.
- b-Ya tiap-tiap waktu jadi imam lah dan main peranan lah setakat la memang cantik lah.
9. Ada tak aktiviti gotong royong?
- a-Gotong royong insyaAlah kerap lah dan kalau depa heboh-heboh akan ramai anak qaryah turun.
- b-Gotong royong ya ada. Saya ingat hari-hari kebesaran Islam memang ada gotong royong. Kadang empat lima enam kali dan kadang-kadang lebih lagi dan tang tu baguih. Penduduk sini pun baguih habaq ja depa mai penuh.
10. Bagaimana hubungan imam dengan masyarakat?
- a-Buat masa la ni alhamdulillahlah mesra lah.
- b- Ya cantik mesra dan tak kira sapa dan juga layanan baik semua tak kira kenduri tahlil atau kenduri selamat sampailah dia.
11. Adakah imam turut memberi khutbah?
- a-Imam juga baca khutbah dan teks yang disediakan oleh majlis agama lah dan dengan fasih elok lah.
- b-Ya dia pun baca khutbah.

12. Bagaimana dengan golongan fakir miskin dalam qaryah ini?
- a-Ya kat depa dah ada senarai tu dan imam pun dah lantik ketua-ketua lorong dan depa ni yang dok pantau.
- b-Ada dalam senarai sebab tiap-tiap tahun kita nak sambut raya kan Ramadan tu memang ada lebih kurang seratus orang lebih dan tiap-tiap tahun macam tu.
13. Adakah diadakan mesyuarat agung pada tiap-tiap tahun?
- a-Mesyuarat agung memang dok buat lah dan biasa hari jumaat.
- b-Ya macam biasa dan jalan macam biasa.
14. Pandangan tuan tentang kebersihan masjid?
- a-Buat masa ni Alhamdulillah sebab tengok tak dak kotor lah. Bilik air pun Tok Siak dok bersih dan dok jaga.
- b-Setakat la nampak Alhamdulillah. Ha ha.

Temubual dengan anak qaryah Masjid al Furqan Sungai Ular.


1. Masjid ni ramai dak jemaah datang solat dan berapa saf kebiasaannya?
- a-Menurut Haji Mohd Muhsin bin Hj Abd Razak jemaah masjid al Furqan Sungai Ular . Jemaah masjid memang ramai kalau kuliah tazkirah semua

memang majlis ilmu di sini memang ramai lah. Kalau solat subuh dalam lima hingga enam saf dan satu saf enam puluh orang dan kalau hari jumaat dan sabtu memang ada majlis ilmu dan jalau hari lain dak lah tang kuliah subuh tu.

b- Menurut Haji Mohd Nor bin Haji Said. InsyaAllah dalam satu saf dah tentu adalah, kalau kata zohor dan asar tu biasalah dan zohor tu orang kerja kan! Orang luar dan orang tempatan adalah satu saf. Lepas tu asar ramai orang lah lebih kurang enam puluh orang dua saf lah.

2. Aktiviti masjid mendapat sambutan atau tidak?

a-Aktiviti kalau majlis ilmu macam kuliah subuh, kuliah magrib memang ramailah boleh dikatakan ruang solat tu memang penuh lah.
b- Kalau ada kuliah kita anggarkan empat atau lima saf lah.



3. Macamana dengan pengurusan masjid, adakah nampak teratur?

a-Pengurusan masjid tu memang baik lah sebab imam dan pengurus tu ustaz sekolah merangkap guru besar pulak.
b-Pengurusan masjid memang ada kerjasama.

4. Waktu-waktu solat ramai dak jemaah yang datang solat?

a-Waktu solat kalau zohor tu, masjid tu masjid singgahlah , masjid tepi jalan kalau ahli jemaah tu zohor asar tak berapa ramai sangat sebab orang bekerja kan, kalau orang luar tu ramai jugak.

- b-Ramai dan satu saf lebih.
5. Adakah imam turut memberi kuliah?
- a- Ya memang ada slot untuk imam.
- b- Imam ni dia dalam sebulan mesti sekali dan kalu tazkirah tu biasa lah.Kita memang tetapkan dalam sebulan mesti sekali.
6. Macamana dengan sambutan golongan belia terhadap aktiviti di masjid?
- a- Golongan muda banyak lah.
- b- Golongan orang muda ni dulu kita ada kuliah remaja oleh kerana ada masalah sikit apanama kita berhenti sat dulu.
7. Tuan setuju dak kalau saya berkata masjid ini imarah dengan aktiviti?
- a- Setuju sebab tengok majlis ilmu memang ramai sangatlah, dapat sambutan daripada orang luar pun selain anak qaryah.
- b- Kalau saya hendak kata tu saya rasa dengan masjid-masjid lain tu boleh jugak lah kalau kita tengok daripada yang kita buat banding-banding dengan masjid-masjid lain Masjid Kilang Lama kira kita dok taraf yang sama lah.
8. Saya nak bertanya adakah tuan faham peranan imam?
- a-Imam sangatlah menjalankan tugas dengan baik dan saya faham peranan imam. Dia imam dan juga mengatur sagala majlis ilmu, qiamulail di bulan puasa.

b-Betoi imam main peranan sebab dia imam dan yang kedua sebab dia ustaz.

Kalau ustaz ni dia lain-lain sikit sebab setengah tu dia imam saja ja adajuga masjid yang imam saja ja tapi mengajar tak boleh.

9. Ada tak aktiviti gotong royong?

a- Gotong royong ada selalunya gotong royong kalau nak buat satu-satu majlis macam nak raya hari tu kan! Bukan tiap-tiap bulan sangat lah dan dua tiga bulan sekali.

b- Gotong royong ni kita buat selalunya dekat-dekat nak rayasekali pastu budak-budak Politeknik yang dekat-dekat ni apa nama UNiKL depa ada mailah kalau depa buat aktiviti depa join sekali dengan kita. Baru-baru ni pun kita ada buat dengan Politeknik .

10. Bagaimana hubungan imam dengan masyarakat?

a- Imam sangat baiklah sebab dia merupakan ustaz dan guru sekolah pulak, baik lah.

b- Kira-kira tu macam tu lah.


11. Adakah imam turut memberi khutbah?

a-Imam juga baca khutbah dan teks yang disediakan oleh majlis agama lah dan dengan fasih elok lah.

b-Ya baca khutbah pun di jugak.

12. Bagaimana dengan golongan fakir miskin dalam qaryah ini?

- a- Ya depa ada senarai fakir miskin dekat setiausaha.
- b- Fakir miskin setakat lani kita ada senarai yang kita dok bagi zakat lah. Kita bagi sumbangan dalam bulan puasa tu, dekat-dekat nak raya tu kita nanti himpun depa-depa ni dalam enam puluh orang lebih kurang. Kita himpun taman-taman yang masuk qaryah lah.
13. Adakah diadakan mesyuarat agung pada tiap-tiap tahun?
- a-Mesyuarat agung ada selalu lepas jumaat selalu kita buat mesyuarat agung pilih ahli jawatan kuasa baru.
- b- Mesyuarat agung kita buatlah dan cukup-cukup korum juga lah.
14. Pandangan tuan tentang kebersihan masjid?



a-Nak kata bersih seratus peratus sangat tu daklah kan! Tapi boleh bersih dari segi tandas tu semua bersih lah.

b-Kita ada dua orang tok siak dan kita lantik seorang lagi kita bayarlah untuk tolong tok siak kan.

Temubual dengan anak qaryah Masjid Jamiul Makmur, Kulim.

1. Masjid ni ramai dak jemaah datang solat dan berapa saf kebiasaannya?
- a- Menurut Uzair ban Ismail jemaah masjid Jamiul Makmur, Kulim. Kira-kira sembahyang fardu ni campur-campur dengan orang perempuan ada seratus lebih dan satu saf tu ada empat puluh orang dan dua saf adalah enam puluh dan campur dengan muslimat ada lah seratus lebih. Setiap fardu lebih kurang

macam tu lah. Malam-malam ada kuliah ramai sikit lah dan kadang ahli jamaag tengok ustaz mana yang mai.

b- Menurut Samsudin bin Hamid. InsyaAllah dalam dua saf ikut ustaz mai bagi kuliah. Yang top ten ustaz Halim Nasir dan ustaz Sobri Arshad dan di sini ada kuliah mingguan dan bulanan.

2. Aktiviti masjid mendapat sambutan atau tidak?

a-Setakat la ni alhamdulillah lah kuliah subuh pun ramai lah.

b- Aktiviti dia penuh sebab kuliah mingguan ada dan bulanan pun ada.Orang kat tak payah pi Madinah dah sebab sini pun kuliah banyak.Kalau ada kuliah kita anggarkan empat atau lima saf lah.

3. Macamana dengan pengurusan masjid, adakah nampak teratur?

a- Pengurusan masjid Alhamdulillah nampak baik lah dan tak dak masalah apa.

b- Alhamdulillah nampak2 macam tu lah.

4. Waktu-waktu solat ramai dak jemaah yang datang solat?

a-Waktu-waktu tu memang ramai.

b-Ramailah.

5. Adakah imam turut memberi kuliah?

a- Ya memang ada kuliah sekali dan kuliah subuh sekali. Baca khutbah tu biasalah.

- b- Macam tu lah.
6. Macamana dengan sambutan golongan belia terhadap aktiviti di masjid?
- a- Golongan muda termasuk sekali dengan kuiah inilah. Orang muda pun ramai dengar kuliah.
- b- Ramai juga campuk-campuk dengan orang-orang tua.
7. Tuan setuju dak kalau saya berkata masjid ini imarah dengan aktiviti?
- a- Setuju sebab tengok majlis ilmu memang ramai sangatlah, dapat sambutan daripada orang luar pun selain anak qaryah.
- b- Kira-kira aktiviti banyak dan semua orang puas hati dengan imam lah.
8. Saya nak bertanya adakah tuan faham peranan imam?
- a- Setakat lebih kurang sepuluh tahun dia berkhidmat sebagai imam tu kira Alhamdulillah lah semua lapisan masyarakat boleh terima dia. Dia juga main peranan sebagai imam.
- b- Imam sangat main peranan dia. Kami anak qaryah tak dak masalah apa dengan dia.
9. Ada tak aktiviti gotong royong?
- a- Gotong royong dia ada kadang-kadang nak sambut puasa dia buat dan macama-macam lah.
- b- Banyak kali juga dan ada juga program khidmat bakti. Kira banyak kali lah gotong royong.

10. Bagaimana hubungan imam dengan masyarakat?
- a- Imam dengan masyarakat tak ada masalah apalah. Dia tak kira apa politik dan boleh masuk semua.
- b- Imam ni memang bagus dengan anak qaryah tak dak masalah apalah.
11. Adakah imam turut memberi khutbah?
- a- Imam juga baca khutbah dan teks yang disediakan oleh majlis agama lah dan dengan fasih elok lah.
- b- Ya baca khutbah pun ada giliran-giliran dia dan ada sukarela.
12. Bagaimana dengan golongan fakir miskin dalam qaryah ini?
- a- Ya, depa ada senarai yang dok bagi, setiap tahun bagilah zakat.
- b- Fakir miskin tidak pernah diabaikan dan ada sumbangan tiap-tiap tahun.
13. Adakah diadakan mesyuarat agung pada tiap-tiap tahun?
- a- Setakat la alhamdulillah ada sambutan anak-anak qaryah dan ramailah.
- b- Mesyuarat agung kita buatlah dan cukup-cukup korum juga lah.
14. Pandangan tuan tentang kebersihan masjid?
- a- Alhamdulillah baiklah.
- b- Kita ada dua orang tok siak dan kita lantik seorang lagi kita bayarlah untuk tolong tok siak kan.

Temubual dengan anak qaryah Masjid an Najah Padang Serai.

1. Masjid ni ramai dak jemaah datang solat dan berapa saf kebiasaannya?
 - a- Menurut Mohd Radhi bin Ibrahim jemaah masjid an Najah Padang Serai. Sembahyang ini ikut waktu lah. Kalau sembahyang subuh empat atau lima saf dan satu saf dua puluh lima hingga tiga puluh orang lah. Sembahyang zohor kadang ada tiga saf dan kira seterus orang lah. Solat asar pun lebih kurang lah dan solat isyak lah yang paling ramai. Kalau ada kuliah ramailah dan ikut tok gurulah dan sampai sebelas saf.
 - b- Menurut Kamal bin Said. Masjid ini memang ramai sebab dia duduk di kawasan perumahan jadi ramailah, anak-anak qaryah sekeliling ramai orang Islam . Masjid itu aktif jadi kehadiran anak jamaah pun agak ramailah. Kebiasaannya tidak kurang dari tiga saf lah. Kadang-kadang lima saf.
2. Aktiviti masjid mendapat sambutan atau tidak?
 - a-Ya dapat sambutan.
 - b- Ya ada sambutan dan sangat menggalakkan.
3. Macamana dengan pengurusan masjid, adakah nampak teratur?
 - a- Adalah sikit-sikit tu kadang-kadang merajuk dan kadang-kadang semangat dia buat dulu dan inilah masalahnya.
 - b-Pengurusan masjid memang baik sebab dia terdiri daripada kebayakkannya pesara-pesara kakitangan kerajaan dan guru-guru lah yang banyak memberi khidmat dengan masjid dan berjalan lancar.

4. Waktu-waktu solat ramai dak jemaah yang datang solat?
- a-Waktu-waktu solat boleh dikatakan ramai lah lebih-lebih lag waktu isyak.
- b-Waktu solat fardu subuh, magrib dan isyak lah yang sangat ramai sebab ada aktiviti pastu zohor dan asar tu biasalah masing-masing orang ada di tempat kerja.
5. Adakah imam turut memberi kuliah?
- a- Imam ada kuliah malam hari Isnin minggu pertama dan minggu ke tiga.
- b- Imam bagi juga tapi kebanyakkan daripada luar lah.
6. Macamana dengan sambutan golongan belia terhadap aktiviti di masjid?
- a- Golongan muda terlibat sebagai peserta mendengar kuliah dan dalam jawatankuasa pun ada wakil pemuda. Aktiviti pemuda macam karnival tiga hari kuliah malam, perjumpaan ustaz-ustaz muda Padang Serai.
- b- Ramai tapi tidak seramai golongan yang berusia dan masih lagi yang lebih ramai ialah orang-orang tua lah.
7. Tuan setuju dak kalau saya berkata masjid ini imarah dengan aktiviti?
- a- Setuju sebab ini pun pernah dapat anugerah.
- b- Saya setuju dan dari sudut imarah memang imarah dengan baik dan ada aktiviti , kuliah pengajian.
8. Saya nak bertanya adakah tuan faham peranan imam?
- a- Imam cukup memainkan peranannya mengimarahkan masjid.

- b- Dari sudut perlaksaan aktiviti secara hubungan dengan masyarakat saya lihat memainkan peranan yang sangat baik.
9. Ada tak aktiviti gotong royong?
- a- Gotong royong dia setahun empat kali ada kut macam dekat-dekat puasa dan raya .
- b- Salah satu acara tahunan rotong royong misalnya kebersihan kawasan persekitaran masjid, kawasan perkuburan.
10. Bagaimana hubungan imam dengan masyarakat?
- a- Imam dengan masyarakat mesra lah kira.
- b-Hubungan yang sangat baik.
11. Adakah imam turut memberi khutbah?
- a-Imam bagi kuliah dan baca khutbah.
- b-Ya baca khutbah pun di jugak.
12. Bagaimana dengan golongan fakir miskin dalam qaryah ini?
- a- Memang kita kutip data dengan kita edar borangtapi tak sebanyak yang diberi oleh pejabat agama lah. Kita bagi ikut kemampuan masjid. Kalau dah dapat dah maka dia tak dapat dah yang masjid tu.
- b- Setakat Fakir miskin di samping sumbangan zakat fitrah yang diberi setiap tahun ada jugak lah bajet peruntukkan oleh masjid diberikan kepada fakir

miskin dab berapa dapat tak tahu lah. Maknanya ada sumbangan terutamanya di bulan Ramadan ataupun kalau ada sumbangan untuk anak-anak yang hendak menyambung pelajaran ataupun fakir miskin yang ditimpa musibah dan sebagainya memang ada sumbangan.

13. Adakah diadakan mesyuarat agung pada tiap-tiap tahun?
 - a-Mesyuarat agung lebih kurang seratus lebih lah
 - b- Mesyuarat agung kita buat tiap-tiap tahun.
14. Pandangan tuan tentang kebersihan masjid?
 - a- Kita bagi saguhati untuk melihat kebersihan masjid iaitu orang-orang tempatan saja lah.
 - b-Kalau diberi taraf bintang mungkin tak boleh lah saya hendak bagi lima bintang mungkin tiga atau empat bintang lah.

Temubual dengan anak qaryah Masjid Sungai Karangan Padang Serai.

1. Masjid ni ramai dak jemaah datang solat dan berapa saf kebiasaannya?
 - a- Menurut Muzamil bin Zakaria jemaah masjid Sungai Karangan. Jemaah dia ramai. Kelaziman dia dua saf lah sebab dia luas dan besar. Maknya lima puluh orang ada lah. Kalau hari ada kuliah lagi ramailah.
 - b- Menurut Elias bin Abdul. InsyaAllah dalam dua saf biasalah tapi kalau magrib tambah sikit sebab orang luar pun ramai. Kalau waktu yang ada kuliah lagi ramailah.

2. Aktiviti masjid mendapat sambutan atau tidak?
- a-Setakat la ni apa yang masjid buat ada sambutan.
- b- Ya ada sambutan.
3. Macamana dengan pengurusan masjid, adakah nampak teratur?
- a- Pengurusan masjid kita tengok Alhamdulillah Nampak berjalan lancer dan Nampak tidak sunyi kan! Semua ajk memainkan peranan dan ambik berat tentang anak-anak qaryah.
- b-Setakat ni Alhamdulillah.
4. Waktu-waktu solat ramai dak jemaah yang datang solat?
- a-Waktu-waktu tu memang ramai.
- b-Ada juga satu saf dan satu saf lebih kurang tiga puluh enam orang.
- Universiti Utara Malaysia
5. Adakah imam turut memberi kuliah?
- a- Bagi jugalah dan kadang-kadang suka memberi nasihat apa yang tidak kena. Ada juga yang dia bagi kuliah tetapi kebanyakkan ustaz-ustaz luar lah. Imam ini lebih kepada pengurusan masjid.
- b- Ada juga bagi kuliah.
6. Macamana dengan sambutan golongan belia terhadap aktiviti di masjid?
- a- Golongan muda Alhamdulillah tak macam dulu-dulu sebab dulu kurang dan sekarang semakin ramai golongan pertengahan tu kan! Penceramah-penceramah tu pandai menarik orang-orang muda.

- b- Ada juga.
7. Tuan setuju dak kalau saya berkata masjid ini imarah dengan aktiviti?
- a- Masjid ini meriah dan memang meriah macam yang kita tengok kan!
- b- Kalau saya hendak kata tu saya rasa dengan masjid-masjid lain tu boleh jugak lah kalau kita tengok daripada yang kita buat banding-banding dengan masjid-masjid lain Masjid Kilang Lama kira kita dok taraf yang sama lah.
8. Saya nak bertanya adakah tuan faham peranan imam?
- a- Imam memang memainkan peranannya solat fardu tiap-tiap hari.
- b- Dia faham peranan imam.
9. Ada tak aktiviti gotong royong?
- a- Gotong royong dia ada kadang-kadang nak sambut puasa dia buat dan macama-macam lah.
- b- Sejak kebelakang ini kami jarang buat. Semua upah orang, kubur tiap-tiap bulan orang buat kami upah dua orang buat, kolah, taman depan tu, pokok-pokok, tandas dan semua upah orang.
10. Bagaimana hubungan imam dengan masyarakat?
- a- Imam dengan masyarakat tak ada masalah apalah. Dia tak kira apa politik dan boleh masuk semua.
- b- InsyaAllah baik.

11. Adakah imam turut memberi khutbah?
- a-Ya Imam juga turut membaca khutbah.
- b-Ya baca khutbah pun di jugak.
12. Bagaimana dengan golongan fakir miskin dalam qaryah ini?
- a- Ya, depa ada senarai yang dok bagi, setiap tahun bagilah zakat.
- b- Fakir miskin tu nama ada kami simpan.
13. Adakah diadakan mesyuarat agung pada tiap-tiap tahun?
- a-Setakat la Alhamdulillah ada sambutan anak-anak qaryah dan ramailah.
- b- Mesyuarat agung dua tahun atau tiga tahun sekali. Begitu juga pelantikan tiga tahun sekali.
14. Pandangan tuan tentang kebersihan masjid?
- a- Alhamdulillah baiklah.
- b-Setakat la ni Nampak baik lah.